



Product Disclosure Sheet (Read this Product Disclosure Sheet before you decide to purchase the Touch 'n Go Card. Be sure to also read the general terms and conditions.)	Touch 'n Go Sdn Bhd (406400-X) TOUCH 'N GO CARD 19 July 2024
--	---

1. What is Touch 'n Go Card?

The Touch 'n Go Card is an electronic purse that may be used for toll usage at all highways in Malaysia, major public transportation services in Klang Valley and at selected retail and food outlets and theme park.

TNGSB uses contactless smartcard technology. The card looks similar to a credit card. Users may use the card that has been pre-loaded with electronic money. Users may reload the card at any Touch 'n Go Service & Sales Centres, Touch 'n Go counters at selected petrol stations, LRT stations, selected KTM stations, ATM/CDM at participating banks, Self Service Kiosk (SSK) and any TNGSB authorized agents. The preloaded denomination is in multiplier of RM10.00. Reload value ranges from minimum RM 10.00 and maximum RM500.00. The maximum card limit or maximum reload value of a card is RM1,500.00 at any one time.

By using the Touch 'n Go Card, you will no longer be required to prepare small change or queue at the cash payment toll booths to complete the payment transaction at toll plaza. TNGSB, the operator of this electronic payment system, offers selections of cards to accommodate different market needs. Please view the card category at <https://www.touchngo.com.my/consumer/toll/card/classic-card/> or call us at 03-2714 8888 for more details.

2. What are the fees and charges I have to pay?

Card Price	<ul style="list-style-type: none"> • RM10.00 per card (without reload value)
Card Replacement	<ul style="list-style-type: none"> • Card with genuine manufacturing defects will be replaced within thirty (30) days based on TNGSB's product warranty from date of purchase, without any charges. Receipt must be presented as proof. • Any card replacement due to faulty/malfunction to the functionality of such card after thirty (30) days from the date of purchase, the user shall be charged with RM10.00 for the price of the new card
Dormancy fee	<p>RM5.00 (if card is not in use for the last twelve (12) consecutive months.</p> <p>RM5.00 (will be charged every subsequent six (6) months after that until the card balance is depleted or up to seven (7) years; whichever comes first).</p> <p>The fee will be levied from the unutilised card balance for the subsequent year.</p>



Reload Service Fee	No.	Operators	Service Charge (RM)
	1	Highways	Nil
	2	Touch 'n Go SPOT at Petrol Stations	Nil
	3	CIMB Bank ATMs (users must have CIMB account)	Nil
	4	Public Transports (KTM)	Nil
	5	Public Transports (LRT)	0.50
	6	Bank ATMs (users must have an ATM account)	0.50
	7	Bank CDMs (open to all customers)	0.50
	8	Third Party Agents	0.50
	9	Petrol Stations	0.50
Goods & Services Tax (GST)	The prices herein stated are subject to zero-rated (0%) GST.		

3. What are the key terms of this product?

- You are reminded to register your card via TNGSB Portal at <https://tngportal.touchngo.com.my/#login> or TNGSB Careline 03-2714 8888 to protect against theft or loss of card.
- To avoid card deactivation/dormant and imposition of dormant fee, please ensure minimum usage of once a year.
- The maximum card limit or maximum reload value of a card is RM1,500.00 at any one time.
- Card Serial No. and Expiry Date are indicated on the card.

4. What are the major risks?

In the event that your card is stolen or lost, there is a possibility of unauthorized usage. You should notify TNGSB immediately and TNGSB will assist you in ceasing the account, as your card may still be used by any unauthorized third party. TNGSB shall not be liable for any unauthorized use of card.

5. What do I need to do there are changes to my contact details?

You are required to inform TNGSB of any changes in your contact details to ensure that all correspondence reaches you in a timely manner.

For registered customer, for any changes in your contact details, you may update your information via TNGSB Portal at <https://tngportal.touchngo.com.my/#login> .

6. Where can I get further information?

For more information, please call us at 03- 2714 8888 or visit our website at www.touchngo.com.my or our TNGSB Service & Sales Centres.

If you have any enquiries or complaints related to our products and services, you may also contact us at:

Details	Operating Hours
Bangsar South Service and Sales Centre Ground Floor Tower 6 Avenue 5, Bangsar South No. 8, Jalan Kerinchi 59200 Kuala Lumpur	Monday – Friday 9:00am to 5:00pm Closed on Weekend & Public Holidays



NU Sentral Service and Sales Centre Lot L2.07, Level 2 NU Sentral Shopping Centre No. 201, Jalan Tun Sambanthan 50470 Kuala Lumpur	Monday - Sunday 10.00am to 10.00pm (Inclusive Public Holiday)
Touch 'n Go Careline Careline: 03-2714 8888 Fax : 03-2714 8889 E-mail: careline@touchngo.com.my	Monday - Friday 8.00am to 8.00pm

If our reply to your query or complaint is not satisfactory to you, you may contact the following bodies:

Bank Negara Malaysia

Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK)

Website: <https://www.bnm.gov.my/>

Contact Centre (BNMTELELINK)

Complaint Form available at <https://telelink.bnm.gov.my/>

Ombudsman for Financial Services (664393P)

(Formerly known as Financial Mediation Bureau)

Website: <https://www.ofs.org.my/en/>

7. Other products available

- a) Enhanced Touch 'n Go Card
- b) BIZSpoke Card (Formerly known as 'Special Design Card')
- c) Pukal Fleetpass (Fleet XS & Biz XS)
- d) Reload Terminal System
- e) Photocard
- f) MyKad (Government Multi-purpose Smart Card with Touch 'n Go features)
- g) Form Factor (Radio Frequency Identification Tag also known as 'RFID Tag')

The information provided in this product disclosure sheet is valid as of 19 July 2024



LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK (Baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli Kad Touch 'n Go. Pastikan bahawa anda juga membaca terma dan syarat am.)	Touch 'n Go Sdn Bhd (406400-X) KAD TOUCH 'N GO 19 Julai 2024
---	--

2. Apakah Kad Touch 'n Go?

Kad Touch 'n Go ialah dompet elektronik yang boleh digunakan untuk kegunaan tol di semua lebuhraya di Malaysia, perkhidmatan pengangkutan awam utama di Lembah Klang dan di kedai runcit dan makanan terpilih serta taman tema.

TNGSB menggunakan teknologi kad pintar tanpa sentuh. Kad ini kelihatan serupa dengan kad kredit. Pengguna boleh menggunakan kad yang telah ditambah nilai terdahulu dengan wang elektronik. Pengguna boleh menambah nilai kad di mana-mana Pusat Perkhidmatan & Jualan Touch 'n Go, kaunter Touch 'n Go di stesen minyak terpilih, stesen LRT, stesen KTM terpilih, ATM/CDM di bank penyertaan, mesin Kios Layan Diri ("Self-Service Kiosk" atau SSK) dan mana-mana ejen yang dibenarkan oleh TNGSB. Unit tambah nilai terdahulu adalah dalam pengganda RM10.00. Julat nilai bagi tambah nilai adalah daripada minimum RM10.00 hingga maksimum RM500.00. Had kad maksimum atau nilai bagi tambah nilai maksimum untuk satu kad ialah RM1,500.00 pada satu-satu masa.

Dengan menggunakan Kad Touch 'n Go, anda tidak lagi dikehendaki supaya menyediakan duit kecil atau beratur di pondok tol bayaran tunai untuk menyelesaikan transaksi pembayaran di plaza tol. TNGSB, pengendali sistem pembayaran elektronik, menawarkan pilihan kad untuk memenuhi keperluan pasaran yang berbeza. Sila lihat kategori kad pada pautan <https://www.touchngo.com.my/consumer/toll/card/classic-card/> atau buat panggilan kepada kami pada talian 03-2714 8888 untuk mendapatkan butiran lanjut.

2. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

Harga Kad	<ul style="list-style-type: none">• RM10.00 bagi setiap kad (tanpa nilai bagi tambah nilai)
Penggantian Kad	<ul style="list-style-type: none">• Kad dengan kecacatan perkilangan sebenar akan diganti berdasarkan waranti produk TNGSB dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh pembelian, tanpa sebarang caj. Resit mesti dikemukakan sebagai bukti.• Bagi apa-apa penggantian kad yang disebabkan oleh kerosakan/pincang tugas dalam kefungsiannya kad tersebut selepas tiga puluh (30) hari dari tarikh pembelian, pengguna akan dikenakan caj sebanyak RM10.00 untuk harga kad baharu.
Fi Dorman	RM5.00 (jika kad tidak digunakan selama tempoh dua belas (12) bulan berturut-turut yang lalu). RM5.00 (akan dikenakan setiap tempoh enam (6) bulan berikutnya selepas itu, sehingga baki kad dihabiskan atau sehingga tempoh tujuh (7) tahun; mengikut mana-mana yang mula-mula berlaku). Fi akan dikenakan daripada baki kad yang belum digunakan untuk tahun berikutnya.

Fi Perkhidmatan Tambah Nilai	Bil.	Pengendali	Caj Perkhidmatan (RM)
	1	Lebu Raya	Tiada
	2	Touch 'n Go SPOT di Stesen Minyak	Tiada
	3	ATM CIMB Bank (pengguna mesti mempunyai akaun CIMB)	Tiada
	4	Pengangkutan Awam (KTM)	Tiada
	5	Pengangkutan Awam (LRT)	0.50
	6	ATM Bank (pengguna mesti mempunyai akaun ATM)	0.50
	7	CDM Bank (terbuka kepada semua pelanggan)	0.50
	8	Ejen Pihak Ketiga	0.50
	9	Stesen Minyak	0.50
Cukai Barang & Perkhidmatan (GST)	Harga yang dinyatakan di sini adalah tertakluk kepada GST berkadar sifar (0%).		

3. Apakah terma-terma utama produk ini?

- Anda diingatkan supaya mendaftarkan kad anda melalui Portal TNGSB pada pautan <https://tngportal.touchngo.com.my/#login> atau Khidmat Pelanggan (*Careline*) TNGSB pada talian 03-2714 8888 untuk mendapatkan perlindungan daripada pencurian atau kehilangan kad.
- Untuk mengelakkan penyahaktifan kad/kad dorman dan pengenaan fi dorman, sila pastikan penggunaan minimum setahun sekali.
- Had kad maksimum atau nilai bagi tambah nilai maksimum untuk satu kad ialah RM1,500.00 pada satu-satu masa.
- No. Siri Kad dan Tarikh Tamat Tempoh dipaparkan pada kad.
-

4. Apakah risiko utama?

Sekiranya kad anda dicuri atau hilang, terdapat kemungkinan penggunaan tanpa kebenaran. Anda seharusnya memberitahu TNGSB dengan segera, dan TNGSB akan membantu anda memberhentikan akaun, kerana kad anda masih boleh digunakan oleh mana-mana pihak ketiga tanpa kebenaran. TNGSB tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa penggunaan kad tanpa kebenaran.

5. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan kepada maklumat perhubungan saya?

Anda dikehendaki supaya memberitahu TNGSB mengenai sebarang perubahan kepada maklumat perhubungan anda untuk memastikan bahawa semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

Untuk pelanggan berdaftar, bagi apa-apa perubahan dalam maklumat perhubungan anda, anda boleh mengemaskinikan maklumat anda melalui Portal TNGSB pada pautan <https://tngportal.touchngo.com.my/#login>.

6. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila buat panggilan kepada kami pada talian 03- 2714 8888 atau kunjungi laman web kami pada pautan www.touchngo.com.my atau Pusat Perkhidmatan & Jualan TNGSB kami.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau aduan berkaitan dengan produk dan perkhidmatan kami, anda juga boleh menghubungi kami di:

Maklumat	Waktu operasi
Pusat Perkhidmatan & Jualan Bangsar South Tingkat Bawah Menara 6, Avenue 5, Bangsar South No. 8, Jalan Kerinchi 59200 Kuala Lumpur	Isnin – Jumaat 9:00 pagi hingga 5:00 petang (Tutup pada Hujung Minggu & Hari Kelepasan Am)
Pusat Perkhidmatan & Jualan NU Sentral Lot L2.07, Aras 2 Pusat Beli-Belah NU Sentral No. 201, Jalan Tun Sambanthan 50470 Kuala Lumpur	Isnin – Jumaat 10.00 pagi hingga 10.00 malam (Termasuk Hari Kelepasan Am)
Talian Khidmat Pelanggan (<i>Careline</i>): 03-2714 8888 No. Faks: 03-2714 8889 E-mel: careline@touchngo.com.my	Isnin-Jumaat 8.00 pagi hingga 8.00 malam

Jika anda tidak berpuas hati dengan jawapan kami kepada pertanyaan atau aduan anda, anda boleh menghubungi badan-badan berikut:

Bank Negara Malaysia

Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK)

Laman Web: <https://www.bnm.gov.my/>

Pusat Perhubungan (BNMTELELINK)

Borang Aduan boleh didapati pada pautan <https://telelink.bnm.gov.my/>

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (664393P)

(Dahulunya dikenali sebagai Biro Pengantaraan Kewangan)

Laman Web: <https://www.ofs.org.my/en/>

7. Produk lain yang tersedia

- h) Kad Touch 'n Go Dipertingkat
- i) Kad BIZSpoke (Dahulunya dikenali sebagai 'Kad Reka Bentuk Khas')
- j) Pukal Fleetpass (Fleet XS & Biz XS)
- k) Sistem Terminal Tambah Nilai
- l) Kad Foto
- m) MyKad (Kad Pintar Pelbagai Guna pihak Kerajaan dengan ciri-ciri Touch 'n Go)
- n) Faktor Bentuk (*Form Factor*) (Tag Pengecaman Frekuensi Radio yang juga dikenali sebagai 'Tag RFID')

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan produk ini adalah sah seperti pada 19 Julai 2024